

### **6.3 Penentuan Kelayakan Taraf Tender**

- 6.3.1 Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk memperuntukkan 30% dari jumlah nilai kerja kepada kontraktor-kontraktor bumiputera. Sebelum dipelawa, keputusan Bahagian Pembangunan Bumiputera, Kementerian Kerja Raya perlu diperolehi untuk menentukan sama ada kedudukan tender tersebut adalah Tender Khas Bumiputera atau Tender Terbuka. Bahagian Pembangunan Bumiputera, Kementerian Kerja Raya hendaklah dimaklumkan tentang tender yang akan dipelawa setiap bulan, dengan memberi maklumat-maklumat seperti berikut:
- (a) Huraian perihal atau tajuk kerja tersebut.
  - (b) Lokasi tapak.
  - (c) Anggaran kos kerja.
  - (d) Tarikh tender dijangka akan dipelawa.
- 6.3.2 Pelawaan tender kerja hendaklah dibuat kepada syarikat-syarikat berdasarkan had kewangan seperti berikut:
- (a) Tender kerja yang dianggarkan bernilai tidak melebihi RM30 juta hendaklah dipelawa kepada syarikat yang seratus peratus (100%) milik warganegara.
  - (b) Tender kerja yang dianggarkan bernilai antara RM30 juta hingga RM50 juta hendaklah dipelawa kepada:
    - i) syarikat seratus peratus (100%) milik warganegara; atau
    - ii) syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia, iaitu syarikat-syarikat yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh warganegara dengan syarat pegangan saham individu asing tidak melebihi tiga puluh peratus (30%) dan Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja dianggotai seratus peratus (100%) oleh warganegara.
- 6.3.3 Tender kerja yang dianggarkan bernilai melebihi RM50 juta hendaklah dipelawa kepada:
- (a) syarikat seratus peratus (100%) milik warganegara; atau